

**Perangi Jenayah Kewangan Keutamaan Bank Negara
Bernama
19 September , 2011**

KUALA LUMPUR, 19 Sept (Bernama) -- Meningkatkan infrastruktur negara bagi memerangi jenayah kewangan akan terus menjadi keutamaan Bank Negara Malaysia (BNM), kata Timbalan Gabenor Nor Shamsiah Mohd Yunus.

Beliau berkata institusi kewangan menyifatkan jenayah kewangan sebagai penipuan, pengubahan wang haram dan pembiayaan jenayah sebagai risiko operasi utama yang dihadapi oleh bank pusat.

Dalam hal ini, Nor Shamsiah berkata BNM sebagai pengawal selia kewangan utama Malaysia akan memberi fokus kepada tiga bidang penting.

"Yang pertama ialah menghalang penjenayah daripada menyalahguna sistem kewangan dan dijadikan saluran untuk aktiviti-aktiviti haram.

"Ini dilakukan dengan memastikan kecekapan dan keberkesanan yang berterusan perundangan Malaysia serta infrastruktur, sistem dan pemprosesan yang berkaitan," kata beliau di Persidangan Antarabangsa mengenai Jenayah Kewangan dan Pembiayaan Keganasan 2011 yang berlangsung selama dua hari di sini Isnin.

Keduanya ialah memastikan kesemua institusi kewangan terus mengukuhkan ketahanan mereka terhadap ancaman dan risiko sedemikian menerusi dasar peraturan serta aktiviti penyeliaan dan pengawasan berasaskan risiko.

"Yang akhir sekali ialah mengukuhkan kerjasama antara industri kewangan dengan pemegang kepentingan domestik dan antarabangsa yang lain," tambah beliau.

Dana Kewangan Antarabangsa menganggarkan jumlah pengubahan wang haram seluruh dunia ialah antara dua peratus dan lima peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar global setahun ataupun bersamaan dengan US\$800 bilion hingga US\$2.0 trilion setahun.

Sementara kos langsung jenayah kewangan terhadap institusi kewangan individu mungkin besar, batasannya jika dibandingkan kepada kerosakan sistem kewangan keseluruhan boleh meningkat hasil daripada kegagalan untuk memerangi jenayah kewangan, tambah beliau.

Kos seumpama itu termasuklah kerosakan reputasi kepada institusi dan negara, hilang keyakinan di kalangan pemegang kepentingan utama dan kerugian atau akses yang terbatas kepada sistem kewangan antarabangsa termasuk hubungan perbankan.

Nor Shamsiah berkata sektor kewangan telah mengukuhkan pengurusan risikonya dan membangunkan dengan baik pertahanan yang berkesan terhadap sebarang jenayah kewangan.

Sehubungan itu, pembangunan bakat dalam bidang ini kian penting.

"Ini boleh dicapai menerusi perumusan program pembangunan kapasiti yang lebih berstruktur dan berkoordinasi yang bertujuan meningkatkan tahap kepakaran, kepimpinan dan profesionalisme teknikal," tambah beliau.

--BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsbusiness.php?id=614459>